

**PEMAHAMAN GURU SENI SEKOLAH RENDAH TERHADAP TERAPI SENI
DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI
VISUAL.**

ROZMAN BIN SHAFIE

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2008

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

25.05.2008

.....

ROZMAN BIN SHAFIE

20031001204

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

25.05.2008

.....
ROZMAN BIN SHAFIE

20031001204

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan berkat Ilahi yang memberikan keyakinan dan kecekalan, tesis ini dapat juga dihasilkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Ahmad Suhaimi Mohd Noor yang memberikan bimbingan dan bantuan sehingga terhasilnya laporan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Timbalan Dekan Akademik Fakulti Seni Dan Muzik Dr. Abdul Halim Husain dan En. Roskang Jailani yang bersabar dan tidak jemu memberikan nasihat dan pandangan berkaitan dengan penyelidikan ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Md. Nasir Ibrahim yang telah membantu membuat penelitian berhubung dengan alat kajian (soal selidik) bagi penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada kakitangan Bahagian Biasiswa, Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Johor, Guru Besar sekolah kebangsaan yang terbabit, serta guru-guru yang terlibat dengan penyelidikan ini kerana dengan kerjasama dari mereka semua, kajian ini dapat dilaksanakan dengan licin dan jayanya. Kepada semua kakitangan Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris serta rakan-rakan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama, budi baik mereka akan tetap dikenang.

Akhir sekali saya sungguh terhutang budi kepada isteri Norkhayati Mohd Hashim, anak-anak serta seluruh keluarga yang telah memberikan dorongan dan galakan di sepanjang penulisan Laporan Penyelidikan ini.

Pemahaman Guru Seni Sekolah Rendah Terhadap Terapi Seni dalam Proses

Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengesan tahap kefahaman terhadap terapi seni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni guru-guru Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Responden daripada 104 orang guru di 17 buah sekolah rendah, enam buah zon daerah Johor Bahru, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif. Empat aspek dikaji yang meliputi pengetahuan, kesedaran, kompetensi, dan sikap responden terhadap terapi seni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Empat kaedah statistik telah digunakan menganalisis data iaitu Statistik frekuensi, Ujian-*t*, ANOVA dan korelasi PEARSON bagi mengesan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah bagi menghasilkan tahap pemahaman guru-guru pendidikan seni visual terhadap terapi seni. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan guru terhadap terapi seni adalah rendah jika dibandingkan kesedaran tinggi responden. Responden juga menunjukkan kompetensi yang tinggi walaupun pengetahuan yang kurang. Kajian juga mendapati responden mempunyai sikap yang positif terhadap terapi seni. Pengkaji mencadangkan terapi seni ini diperkenalkan di sekolah rendah kerana melalui terapi seni masalah emosi pelajar dapat dikenalpasti dan intervensi dapat dilaksanakan mengikut prosedur yang sesuai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

The Understanding of Art Therapy among Primary School Art Teachers in the
Teaching and Learning of Visual Art Education.

ABSTRACT

The purpose of this research was to identify the understanding of art therapy among primary school teachers in teaching and learning process in visual art education. 104 respondents from 17 primary schools in 6 different zones were selected. This research employed descriptive quantitative research methodology. Five major aspects have been identified namely: demography, knowledge, awareness, competency and attitude to understand better respondents understanding of art therapy in the teaching and learning process of visual art education. The data were analysed using descriptive statistics, Independent-samples T-test, One-way ANOVA and Pearson Correlations. The findings of this study revealed that the knowledge of respondents in relation to art therapy was low in comparison to their awareness. Their competencies were also high although their knowledge was inadequate. This study found that that respondents attitude were positive towards art therapy. The researcher suggested that art therapy is introduced in primary schools because through art therapy, students' problems related to emotion can be identified and proper intervention can be implemented according to appropriate procedures.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT.....	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xii
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian.....	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian.....	7
1.7 Kepentingan Kajian.....	8
1.8 Batasan Kajian	8
1.9 Kerangka Konsep Kajian	9
1.10 Definisi Operasional	10
BAB II.....	13
TINJAUAN LITERATUR.....	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Konsep Pendidikan Seni dan Terapi Seni	13
2.3 Teori Berkaitan Terapi Seni.....	15

2.3.1 Teori Psikoanalisis	15
2.3.2 Perkaitan bebas	15
2.3.3 Pemindahan.....	15
2.3.4 Interpretasi Mimpi.....	16
2.3.5 Teori Psikologi Analitikal.....	16
2.3.6 Teori Psikologi Alderian.....	16
2.3.7 Teori progresivisme	17
2.3.8 Teori “Person-Centered”	18
2.3.9 Teori Gestalt.....	20
2.4 Terapi Seni dalam Pendidikan Seni Visual.....	21
2.5 Terapi Seni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	22
2.6 Guru Pendidikan Pendidikan Seni Visual Sebagai Terapis Seni	23
2.7 Kejayaan Terapi Seni	24
2.7.1 Terapi Seni dengan murid “Dyslexic”	25
2.7.2 Terapi Seni dengan Murid “Elective Mute”	25
2.8 Kajian-Kajian yang Lalu.....	26
2.9 Kesimpulan	28
BAB 3	30
METODOLOGI	30
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Kajian	30
3.3 Populasi dan Pensampelan.....	31
3.4 Instrumen Kajian.....	32
3.5 Kajian Rintis	35
3.6 Ujian Kebolehpercayaan.....	35
3.7 Tatacara Pengumpulan Data	36
3.8 Kaedah Penganalisisan Data	37
3.9 Ujian Signifikan	38
3.10 Penutup	39
BAB IV	40

DAPATAN KAJIAN	40
4.1 Latar Belakang dan Ciri Umum Sampel	40
4.2 Analisis Statistik	44
BAB V.....	58
PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	58
5.1 Pengenalan	58
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian.....	58
5.3 Kesimpulan	62
5.3.1 Kesimpulan Pertama	63
5.3.2 Kesimpulan Kedua	67
5.3.3 Kesimpulan Ketiga.....	68
5.4 Implikasi Pemahaman Guru Terhadap Terapi Seni	70
5.5 Cadangan Pelaksanaan Terapi Seni di Sekolah Rendah	70
5.6 Cadangan Kajian Untuk Masa Akan Datang	71
BIBLIOGRAFI	73
Lampiran I	
Lampiran II	
Lampiran II	
Lampiran IV	


Jadual 4.14: *Korelasi hubungan di antara guru yang faham dengan jelas tentang terapi seni dengan dapat mengenal pasti permasalahan murid dari segi afektif.....* 57



SENARAI RAJAH

Rajah muka surat

1.1 Kerangka Kajian 9



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara umum tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah beberapa konsep tentang pembolehubah bersandar dan pemboleh ubah bebas kajian. Bab ini dibahagikan kepada 10 bahagian kecil. Bahagian 1. 1 merupakan pengenalan. Bahagian 1.2 menghuraikan tentang latar belakang kajian. Bahagian 1.3 menghuraikan pernyataan masalah. Bahagian 1.4 menjelaskan tujuan kajian. Persoalan kajian dihuraikan dalam bahagian 1.5. Diikuti dengan hipotesis kajian di bahagian 1.6. Bahagian 1.7 pula membincangkan kepentingan kajian. Ini diikuti dengan batasan kajian dalam bahagian 1.8, Kerangka kajian dalam bahagian 1.9 dan akhir sekali bahagian 1. 10 menjelaskan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang

Perkembangan terapi seni sebagai satu profesion bermula sekitar tahun 1940-an setelah Margaret Naumburg menulis hasil kerjanya yang banyak dipengaruhi perkembangan intelektual dan sosiologi pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Rawatan pesakit mental, kajian pertumbuhan kanak-kanak, ekspedisi antropologi

sehingga kepada kebudayaan bukan barat, pendidikan progresif, teori baru dalam falsafah dan psikologi dan kemurnian kaedah sains, semuanya memberi kesan signifikan kepada praktis dan teori terapi seni. Di barat, terapi seni mempunyai permintaan yang tinggi termasuk di hospital psikiatris, hospital perubatan dan pemulihan serta sekolah awam dan persendirian (Judith A. Rubin, 1998: xxiii).

Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual melibatkan nilai-nilai terapeutik dalam prosesnya. Walau bagaimanapun, sebelum seorang guru boleh menawarkan terapi seni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual ia perlu mendalami pengetahuan, mempunyai kesedaran, berupaya kompetensi dan memahami sikap diri sendiri. Menurut Eve C. Jarboe (2002: 1), “Terapi seni adalah penggunaan terapeutik dalam menghasilkan seni untuk mempromosi rawatan dan perkembangan dalam satu perhubungan profesional. Terapis seni ialah jawatan profesional peringkat sarjana yang mempunyai pengetahuan mendalam, berkebolehan untuk praktis, menguasai teori kaunseling dan teknik untuk semua peringkat umur, dalam pelbagai asas termasuk sekolah”.

Jarboe menegaskan bahawa pengasasan terapi seni dalam sistem persekolahan kini adalah satu keperluan bagi memenuhi permintaan pelajar yang mahukan bantuan klinikal. Kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan kini berhadapan dengan masalah yang boleh meletakkan mereka kepada risiko kegagalan dan hanya di sekolah sahaja tempat mereka akan didedahkan kepada pembinaan diri dan keselamatan.

Terapi bukan sahaja berguna untuk mendapatkan maklumat tetapi juga memainkan peranan penting dalam memproses maklumat tersebut. Contohnya semasa pelajar berkarya ia akan mempamerkan dirinya sendiri. Pengalaman yang dihasilkan di atas kertas dapat membantu guru diagnosis pelajar tersebut. Puvaneswari Candiah (1981: 202) menyatakan bahawa “Dalam perubatan psikologi, terapi seni boleh memainkan peranan sebagai satu alat yang boleh menolong diagnosis kerana lukisan pesakit boleh diterjemah dan dianalisis. Kesannya, melalui terapi seni pesakit boleh berhubung dengan orang lain dan benda-benda di sekelilingnya. Lukisannya juga boleh membayangkan perasaan dan fikirannya sendiri”.

Ini dikuatkan oleh Margaret Naumburg (1973) yang menyatakan bahawa terapi seni menawarkan keistimewaan imej simbolik bukan lisan untuk dilahirkan tanpa sedar dan tekanan emosi. Seni sebagai satu mod komunikasi adalah untuk mengeluarkan kompleksiti kesakitan emosi kanak-kanak. Proses ini menawarkan cara melahirkan perasaan yang lebih meyakinkan dari penggunaan lisan. Pelajar akan lebih bebas dan selamat untuk berkarya kerana seni visual merupakan komunikasi yang dapat meluahkan apa sahaja yang menyakitkan selain perkataan.

Lowenfeld dan Brittain (1982: 3) pula dalam bukunya “Creative and Mental Growth” mendapati “proses melukis, catan atau membina adalah suatu yang kompleks di mana kanak-kanak membawa bersama elemen bercapah dari pengalamannya untuk melahirkan pembaruan dan bermakna. Di dalam proses pemilihan, interpretasi dan pembentukan elemen ini, kanak-kanak ini memberi lebih dari sekeping gambar atau

arca; ia memberi sebahagian dirinya; bagaimana ia berfikir, apakah perasaannya dan bagaimana ia melihat”.

Karya pelajar membuka laluan kepada diri mereka. Pengetahuan yang khusus mengenai terapi seni dapat menolong guru mendorong pelajar mereka membuka laluan diri ini agar pelajar lebih yakin. Kenyataan ini disokong oleh Judith Peck (2003) yang mengatakan bahawa kajian mengenai produksi seni sebagai suatu bantuan dalam memahami pengalaman manusia. Pembelajaran ini menaksir penyelidikan tentang keupayaan perluasan seni visual dalam personaliti dan tabiat, dan nilai seni visual di dalam menambahkan kualiti kehidupan. Tujuan terapi seni melalui Pendidikan Seni Visual di dalam proses P&P ialah untuk menggalakkan perkembangan diri, kebolehan, minat, personaliti dan konflik para pelajar bagi membantu pelajar mencapai objektif yang sesuai dengan sistem persekolahan.

Terapi seni akan lebih berjaya dengan pengetahuan dan pemahaman guru tentang kepelbagaian teknik untuk menilai kognitif dan perkembangan emosi, kekuatan dan kelemahan fizikal dan mental, program khas bagi perkembangan personaliti. Seni ekspresif dapat menolong pelajar mengawal konflik dalaman serta memudahkan mereka melaksanakan perubahan diri. Terapi seni sangat bermanfaat untuk mengenalpasti reka bentuk model perkhidmatan integrasi, menyediakan peluang dan mengenal pasti keperluan pelajar-pelajar di sekolah yang memaksimumkan potensi kecerdasan, sosial dan emosi. Terapi seni mampu membantu pencapaian matlamat Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah ke arah melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif.

1.3 Pernyataan Masalah

Kita sering terbaca di media massa kaunselor menggunakan lukisan sebagai satu kaedah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Misalnya beberapa tahun yang lalu seorang psikiatris di sebuah hospital di Kuantan, Pahang telah dapat merungkai permasalahan yang dihadapi oleh seorang kanak-kanak perempuan yang dirogol oleh bapa tirinya melalui gambar labah-labah yang dilukis oleh kanak-kanak tersebut.

MERCY Malaysia, sebuah badan NGO yang aktif membantu di peringkat antarabangsa turut mengiktiraf peranan terapi seni dengan mengadakan sesi terapi dengan kanak-kanak menggunakan media krayon, pensil warna, dan kertas kosong untuk meluahkan perasaan mereka (<http://www.mercy.org.my/main/aboutus/index.html>). Di dalam bidang psikologi terapi seni digunapakai sebagai satu cara intervensi yang diiktiraf. Begitu juga di negara-negara Barat yang telah lama mengiktiraf keberkesanan seni sebagai alat mengesan masalah yang dihadapi oleh individu, khususnya kanak-kanak. Malang sekali di negara kita, bidang ini tidak diteroka sepenuhnya. Bidang seni tidak digunakan secara optimum. Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Baru Sekolah Rendah tidak dinyatakan secara konkrit pelaksanaan terapi seni. Walau bagaimanapun jika diteliti kurikulum Pendidikan Seni Visual KBSR, kita akan dapati ada ciri-ciri terapi seni wujud di dalam objektif Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual. Ciri-ciri seperti membiasakan diri membuat rekaan seni dengan teratur, cermat dan selamat, memupuk nilai-nilai kerjasama, yakin diri, disiplin diri dan bertanggungjawab adalah selaras dengan perkembangan peringkat kesediaan, penerimaan murid dari segi sosio

emosi, psikomotor dan mental yang merangkumi perasaan, koordinasi, manipulasi dan persepsi visual.

Oleh sebab terapi seni tidak dijelaskan di dalam kurikulum Pendidikan Seni visual, pengkaji ingin mengesan sejauh mana pemahaman guru terhadap terapi seni berdasarkan tahap pengetahuan guru, kesedaran guru, kompetensi guru dan sikap guru di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pengalaman dan kejayaan dari negara barat, terapi seni didapati dapat meningkatkan perkembangan diri murid. Tujuan kajian ini adalah untuk mengesan pengetahuan, kesedaran, kompetensi dan sikap yang menghasilkan tahap pemahaman guru Pendidikan Seni Visual terhadap terapi seni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah Kebangsaan daerah Johor Bahru, Johor.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan yang ada di kalangan guru pendidikan seni visual terhadap terapi seni?
2. Apakah tahap kesedaran guru pendidikan seni visual terhadap terapi seni?

3. Apakah tahap kompetensi guru pendidikan seni visual dalam melaksanakan terapi seni?
4. Bagaimanakah sikap guru pendidikan seni visual terhadap terapi seni?

1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah dibentuk secara deskriptif bersama hipotesis nol bagi menjawab persoalan-persoalan terhadap permasalahan penyelidikan. Hipotesis-hipotesis yang dirangka adalah seperti berikut:

1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam menyedari peranan terapi seni terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.6.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan zon bandar selatan, bandar utara, Masai & Pasir Gudang, Majidi, Skudai & Gelang Patah dan Tiram untuk memberi bimbingan kepada murid memperbaiki kawalan gerak hati secara berkesan melalui aktiviti seni.

1.6.3 Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara guru yang faham dengan jelas tentang terapi seni dengan dapat mengenal pasti permasalahan murid dari segi afektif.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui sejauh mana kefahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual tentang terapi dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Dapatan kajian ini akan dapat memberi implikasi terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu penggubal kurikulum mereka bentuk Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam membangunkan modal insan menuju ke arah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Kajian ini dapat melihat sejauh manakah latar belakang guru, pengetahuan, kesedaran, kompetensi dan sikap guru di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri amalan terapi seni di dalam Pendidikan Seni Visual. Kajian ini akan menjadi pengukur bagaimana amalan terapi seni boleh diberi perhatian dalam reka bentuk kurikulum mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di masa akan datang.

Sehingga kini belum ada kajian yang pernah dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian ini diharapkan menjadi asas kepada kajian terapi seni yang lebih mendalam di bidang Pendidikan Seni Visual.

1.8 Batasan Kajian


Kajian ini tidak bertujuan untuk memberi gambaran yang menyeluruh kepada masalah yang dikaji dan batasan berikut telah diambil kira. Kajian terhadap kepada

guru-guru di 17 buah sekolah kebangsaan di daerah Johor Bahru, Johor sahaja. Oleh itu, keputusan kajian ini tidak mewakili semua guru sekolah rendah di seluruh Malaysia.

Kajian ini menggunakan lima item di dalam borang soal selidik. Item-item tersebut ialah demografi guru, pengetahuan, kesedaran, kompetensi dan sikap guru terhadap terapi seni di dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Ketepatan hasil kajian ini bergantung kepada keikhlasan maklum balas yang diberi oleh responden terhadap pernyataan-pernyataan dalam borang soal selidik yang diedarkan.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1. 1: Kerangka Konsep Kajian



Berdasarkan rajah 1.1, terdapat pemboleh ubah yang mempengaruhi pemahaman guru-guru pendidikan seni visual terhadap terapi seni. Pemboleh ubah pertama ialah ciri-ciri latar belakang yang terdiri daripada jantina, pengalaman, akademik, ikhtisas, zon dan pendedahan terhadap terapi seni. Pemboleh ubah kedua merangkumi pengetahuan, kesedaran, kompetensi dan sikap. Guru Pendidikan Seni Visual sekolah rendah adalah pemboleh ubah moderator. Kedua-dua pemboleh ubah ini akan menghasilkan tahap pemahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap terapi seni. Hasil daripada perolehan ini akan menjadi ukuran kepada pemahaman guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap terapi seni selanjutnya.

1.10 Definisi Operasional

Pemahaman

Guru hendaklah benar-benar faham tentang konsep yang telah dipelajari sebelum dia boleh menggunakannya dalam situasi baru.

Sikap

Kecenderungan yang mempengaruhi seseorang guru untuk memilih melaksanakan sesuatu tindakan.

Kesedaran

Guru dapat merasakan kehadiran dan kewujudan konsep serta keperluan dan kepentingan perlaksanaannya.

Terapi

Prosedur yang direka untuk membantu perubahan yang baik di dalam personaliti atau dalam kehidupan yang boleh kekal pada sesi tersebut (Elinor Ulman, ATTP; Judith A Rubin, 1999).

Terapeutik

Merujuk kepada nilai pendekatan seni yang bebas dan pengalaman seni yang boleh mengubah seseorang kepada perkembangan emosi yang sihat.

Pengajaran

Pengajaran adalah pemilihan kaedah atau strategi untuk menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan untuk membantu murid mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Pembelajaran

Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang berlaku pada murid akibat daripada penerimaan pengetahuan daripada guru di dalam suatu masa belajar di dalam bilik darjah dan dilangsungkan secara formal oleh interaksi guru dan murid.

Guru Sekolah Rendah

Merujuk kepada guru-guru yang mengajar murid-murid Kelas Tahun Satu hingga Tahun Enam di sekolah bantuan penuh kerajaan.

Sekolah Rendah

Merujuk kepada sekolah bantuan kerajaan yang menyediakan pelajaran murid-murid dari Kelas Tahun Satu hingga Tahun Enam.

Kognitif

Menurut Kamus Dewan, diistilahkan sebagai segala perkara yang berkaitan dengan kognisi, seperti proses pembelajaran, pemahaman dan pemerolehan pengetahuan.

Afektif

Merujuk kepada segala yang berkaitan dengan perasaan dan emosi.

